

SULIT
2280/1
GEOGRAFI
Kertas 1
Ogos – September 2025
1 jam 15 minit

2280/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2025

GEOGRAFI

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
for more tips spm 2025 !

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1 Antara berikut, bentuk muka bumi manakah merupakan kesan daripada proses pergerakan pencapahan plat?

- A Jurang lautan
- B Banjaran
- C Pulau
- D Lurah gelinciran

2 Pernyataan berikut berkaitan ciri-ciri lapisan dalam struktur bumi.

- Mengalami arus perolakan
- Menyebabkan kejadian gempa bumi

Lapisan manakah yang berkaitan dengan ciri tersebut?

- A Mantel
- B Teras dalam
- C Kerak bumi
- D Teras luar

3 Apakah proses yang membentuk batuan berikut?


- Granit
- Gabro

- A Pemendapan pasir
- B Pemejalan magma
- C Penyimenan batuan
- D Pencairan lava

4 Kombinasi manakah yang benar tentang jenis batuan dan kegunaannya?


	Jenis Batuan	Kegunaan
A	Granit	Simen
B	Basalt	Tembikar
C	Batu pasir	Kaca
D	Batu marmar	Bitumen

- 5 Rajah berikut menunjukkan proses luluh hawa fizikal.



Apakah proses yang menyebabkan berlaku pemecahan batuan dalam foto tersebut?

- A Penghabluran garam
 - B Pelepasan tekanan
 - C Kembang kecut
 - D Tindakan ibun
- 6 Apakah batuan X yang terhasil daripada proses tindak balas dalam rajah berikut?



- A Ferum
 - B Kaolin
 - C Batu kapur
 - D Batu garam
- 7 Antara berikut, pandang darat manakah yang terbentuk di kawasan gurun kesan luluh hawa kimia?
- I Tors
 - II Bornhard
 - III Stalagtit
 - IV Tanih laterit
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

8 Apakah kegiatan manusia yang menyebabkan terjadinya pergerakan jisim di Malaysia?

- A Penebangan pokok bakau
- B Pengkuarian di kawasan bukit
- C Perlombongan petroleum di luar pantai
- D Penanaman padi di kawasan tanah pamah

9 Foto menunjukkan kawasan pertanian di lereng bukit.



Mengapakah kaedah pertanian seperti dalam foto tersebut digunakan di kawasan lereng bukit?

- A Menggalakkan penanaman sepanjang tahun
 - B Mengelakkan kejadian hakisan tanah
 - C Mengekalkan kelembapan tanah
 - D Meningkatkan kesuburan tanah
- 10 Bagaimanakah cara air sungai bertindak menghakis struktur tanah dan batuan yang padat di dasar sungai?
- A Tindakan larutan
 - B Tindakan geseran
 - C Tindakan lagoon
 - D Tindakan hidraul


11 Apakah bentuk muka bumi yang terhasil di peringkat hilir sungai?

- I Lubang periuk
- II Jeram
- III Delta
- IV Tasik ladam
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Mengapakah penanaman pokok bakau penting dalam usaha pemuliharaan kawasan pinggir pantai?

- A Mengatasi masalah pencemaran laut
- B Menggalakkan industri perabot
- C Mengurangkan kesan hakisan ombak
- D Meningkatkan aktiviti pelancongan

13 Rajah berikut menunjukkan alat kaji cuaca.



Apakah kegunaan alat tersebut?

- A Menyukat kelembapan udara
- B Menunjukkan arah tiupan angin
- C Menentukan tahap tekanan udara
- D Mengukur halaju angin

[Lihat halaman sebelah


14 Foto berikut menunjukkan fenomena cuaca.



Apakah langkah yang paling sesuai bagi mengurangkan kesan fenomena tersebut?

- A Menyediakan peralatan penyelamat
- B Menyelenggara sistem saliran dan perparitan
- C Meningkatkan jumlah anggota keselamatan
- D Menambah bilangan pusat pemindahan mangsa

15 Apakah jenis iklim di kawasan berlorek dalam peta berikut?



Peta : DUNIA

- A Mediterranean
- B Khatulistiwa
- C Monsun Tropika
- D Gurun Panas

16 Mengapakah berlakunya kesan fenomena cuaca berikut?

- Suhu tinggi di kawasan bandar
- Penduduk tidak selesa

- A Pertambahan kawasan berturap
- B Penggunaan klorofluorokarbon
- C Pembakaran sisa pertanian
- D Penggunaan baja kimia

17 Apakah jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi yang berkaitan dengan ciri berikut?

- Berakar pendek
- Berkayu lembut
- Daun berbentuk jarum

- A Padang Rumput Steppe
- B Hutan Hujan Tropika
- C Hutan Konifer
- D Gurun Panas

18 Apakah kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi berikut terhadap ekosistem?



- A Kawasan tadahan hujan
- B Habitat hidupan akuatik
- C Membekalkan kayu api
- D Kawasan ekopelancongan

[Lihat halaman sebelah

- 19 Foto berikut menunjukkan spesies hidupan liar yang hampir pupus.



Bagaimanakah kerajaan melaksanakan langkah pemuliharaan hidupan liar tersebut?

- A Menjalankan penghutan semula
 - B Mewujudkan pusat rehabilitasi
 - C Mengehadkan lesen pemburuan
 - D Melakukan rawatan silvikultur
- 20 Apakah usaha pemeliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di negara Kanada?
- A Mengehadkan pemburuan mengikut musim
 - B Menjalankan Program Hutan Serantau
 - C Memberi insentif kepada perusahaan hutan
 - D Mewajibkan penanaman semula hutan
- 21 Bagaimanakah faktor governan dapat mengawal kepadatan penduduk di sesuatu kawasan?
- A Melengkapkan kemudahan infrastruktur
 - B Mengurangkan peluang pekerjaan
 - C Menghapuskan kawasan setinggan
 - D Melaksanakan program transmigrasi



22 Apakah kesan sosial yang berlaku kepada negara yang mempunyai taburan penduduk jarang?

- A Masalah setinggan
- B Pencemaran udara
- C Infrastruktur terhad
- D Kualiti udara merosot

23 Maklumat berikut menunjukkan ciri kependudukan negara X.

- Kadar kelahiran rendah
- Kadar kematian rendah

Apakah faktor yang mempengaruhi ciri kependudukan negara tersebut?

- A Taraf pendidikan tinggi
- B Tahap teknologi rendah
- C Amalan gaya hidup sihat
- D Kurang kemudahan kesihatan

24 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri kependudukan.

- Jumlah penduduk ramai
- Tahap teknologi rendah

Apakah kesan kepada negara yang mengalami ciri kependudukan tersebut?

- A Infrastruktur terhad
- B Masalah pengangguran
- C Sumber alam terpelihara
- D Peningkatan produktiviti per kapita

[Lihat halaman sebelah

- 25 Maklumat berikut menunjukkan jumlah migran dalam sektor pekerjaan di Malaysia.

Pertambahan 600 000 pekerja asing dalam sektor pekerjaan di Malaysia dalam tempoh setahun.

Sumber: Laporan Perangkaan Demografi, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Apakah kesan terhadap ekonomi Malaysia?

- A Penggunaan jentera meluas
- B Peningkatan masalah jenayah
- C Pertambahan kawasan setinggan
- D Pengaliran keluar mata wang negara

- 26 Apakah kesan positif migrasi dalaman terhadap pembangunan ekonomi di Malaysia?

- A Mengurangkan kesesakan lalu lintas
- B Pertambahan kawasan setinggan
- C Peningkatan masalah sosial
- D Meluaskan pasaran barangan

- 27 Maklumat berikut merujuk kepada fungsi petempatan bandar.

Bandar X

- Berfungsi sebagai ibu negara
- Menawarkan perkhidmatan kerajaan kepada penduduk

Apakah fungsi Bandar X ?

- A Bandar diraja
- B Bandar satelit
- C Bandar sempadan
- D Bandar pentadbiran

28 Foto menunjukkan lokasi petempatan di Malaysia.



Kawasan X



Kawasan Y

Apakah sumbangan kawasan petempatan X kepada petempatan Y?

- A Memproses barangan siap
- B Membekalkan tenaga buruh
- C Mengumpulkan bahan mentah
- D Menyediakan peluang pekerjaan

29 Apakah faktor governan yang mempengaruhi proses urbanisasi di kawasan berikut?

- Cyberjaya
- Silicon Valley

- A Merupakan bandar satelit
- B Pusat teknologi maklumat
- C Kedudukan yang strategik
- D Menyediakan kemudahan pendidikan

30 Apakah langkah mengurangkan kesan pertambahan gas karbon dioksida di kawasan bandar?

- A Meluaskan kawasan hijau
- B Mewujudkan bandar satelit
- C Membina jalan raya bertingkat
- D Mendalamkan sungai dan parit

[Lihat halaman sebelah


- 31 Kombinasi manakah yang benar tentang sumber tenaga boleh baharu dan negara yang menjana tenaga tersebut?

	Sumber Tenaga Boleh Baharu	Negara
A	Geoterma	New Zealand
B	Suria	Denmark
C	Hidro	Filipina
D	Biojisim	China

- 32 Apakah kepentingan sumber tenaga boleh baharu kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara?

- A Mengatasi masalah krisis sumber tenaga
- B Mengurangkan import barangan
- C Mengurangkan kesan perubahan iklim
- D Menggalakkan pertumbuhan kenderaan


- 33 Foto berikut menunjukkan aktiviti perlombongan arang batu.



Apakah kesan aktiviti tersebut terhadap alam sekitar?

- A Hakisan tanah
- B Kejadian pulau haba
- C Perubahan pandang darat
- D Meningkatkan kualiti udara

- 34 Apakah kepentingan utama pengurusan sumber tenaga secara lestari?
- A Menjamin bekalan sumber berterusan
 - B Meningkatkan pendapatan negara
 - C Menyediakan peluang pekerjaan
 - D Meluaskan kawasan cari gali
- 35 Antara berikut, yang manakah langkah pengurusan sumber tenaga secara terancang bagi memelihara alam sekitar?
- I Menggunakan bahan api biodiesel
 - II Menggunakan petrol berplumbum
 - III Melaksanakan kempen kesedaran alam sekitar
 - IV Menjalankan penyelidikan dan pembangunan(R&D)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 36 Peta berikut menunjukkan industri automotif di Jepun.




Bagaimanakah industri tersebut mempengaruhi peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar negara Jepun?

- A Kadar mata wang yang stabil
- B Tenaga buruh berkemahiran tinggi
- C Bentuk muka bumi tanah pamah
- D Kemudahan pinjaman modal

[Lihat halaman sebelah

- 37 Apakah faktor yang mendorong kepada perkembangan kerjasama ekonomi antarabangsa?
- A Menggalakkan pemindahan teknologi
 - B Meningkatkan harga barangan import
 - C Mengurangkan pelaburan modal asing
 - D Mengehendkan kemasukan tenaga buruh
- 38 Apakah faktor yang menggalakkan perkembangan kegiatan ekonomi dalam foto berikut?



- A Kemudahan pelabuhan
 - B Pembinaan tukun tiruan
 - C Penggunaan tenaga solar
 - D Kemudahan pinjaman modal
- 39 Apakah kesan terhadap alam sekitar akibat penerokaan hutan bagi tujuan pertanian ladang?
- A Kepelbagaian biodiversiti berkurang
 - B Pengurangan jumlah hujan
 - C Kesuburan tanah meningkat
 - D Peningkatan nutrien tanah

- 40** Apakah kajian yang dilakukan oleh pihak MARDI bagi memastikan aktiviti pertanian yang lestari?
- I Meningkatkan subsidi
 - II Menggalakkan penggunaan jentera
 - III Menghasilkan baja organik
 - IV Menggunakan kaedah biologi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT